

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Mohd Ariff Sabri bin  
Abdul Aziz [ RAUB ]**

**TARIKH : 19.03.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 30**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) berapa kos sebenar pembinaan MRSM Bentong yang kini telah menjadi gajah putih; dan
- (b) apa sebab MRSM Bentong tidak boleh beroperasi sehingga sekarang.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

MRSM Bentong, Pahang mula dibina pada 11 Mei 2005 dan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2008. Pada 6 Disember 2009, satu kejadian tanah runtuh telah berlaku berhadapan padang hoki yang telah menyebabkan beberapa kerosakan serius kepada padang hoki, sistem loji kumbahan dan laluan kepada loji kumbahan tersebut. Ekoran kejadian tersebut, MARA telah melantik Kumpulan IKRAM Sdn Bhd untuk membuat kajian keselamatan ke atas MRSM Bentong. Berdasarkan kepada laporan tersebut, pihak Pengurusan MARA merasakan bahawa MRSM Bentong tidak selamat untuk diduduki kerana runtuh cerun seterusnya boleh berlaku pada bila-bila masa dan memutuskan untuk memindahkan warga MRSM Bentong ke MRSM Tun Abdul Razak, Pekan, Pahang pada 1 Mei 2010.

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Kos sebenar pembinaan MRSM Bentong adalah RM73 juta.

(b) Sehingga kini kerja-kerja pembaikan cerun telah dan sedang dijalankan. Sepanjang kerja-kerja pembaikan tersebut beberapa runtuhan kecil telah berlaku yang mengakibatkan kelewatan kepada kontraktor untuk menyelesaikan kerja dengan sepenuhnya. Runtuhan terbaru telah berlaku pada 12 Disember 2013.

Pada hakikatnya kerja-kerja pembaikan cerun runtuh termasuk menguatkan cerun sekeliling bangunan-bangunan sedia ada, sistem loji kumbahan dan padang hoki telah siap sepenuhnya kecuali dibahagian berhampiran padang hoki akibat runtuhan baru berlaku pada 12 Disember, 2013. Namun keadaan itu dipandang serius oleh pengurusan MARA dan mengambil keputusan untuk tidak memulakan semula operasi MRSM Bentong sehingga semua langkah-langkah keselamatan telah dipenuhi. Kerja-kerja pembaikan cerun itu dijangka siap pada bulan Oktober 2014.